

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[Bukit Bendera]

SOALAN :

TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah nilai serta peratusan ekuiti korporat yang dimiliki oleh warga dan syarikat asing.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklumat yang ada, pemilikan ekuiti oleh warga dan syarikat asing pada tahun 2011 adalah sebanyak RM335.2 bilion atau 37.2% daripada keseluruhan ekuiti modal saham sektor korporat. Manakala, maklumat pemilikan ekuiti Asing dalam sektor korporat bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 sedang dalam proses untuk dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.